

**BELANJAWAN: RM38.7 Bilion Untuk Memperkasa Pendidikan Negara – Najib
Bernama
28 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Sebanyak RM38.7 bilion diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan untuk menjalankan program mengurus dan pembangunan sektor itu tahun depan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata jumlah itu meliputi kira-kira 21 peratus daripada keseluruhan peruntukan Belanjawan 2013 yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini.

"Langkah meningkatkan upaya kompetensi kualiti guru merupakan prasyarat kritikal dalam menunjang kejayaan sistem pendidikan negara.

"Bagi menjana mula prakarsa ini, kerajaan akan menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM500 juta bagi meningkatkan kemahiran guru dalam pengajaran subjek-subjek teras, yakni Bahasa Kebangsaan, bahasa Inggeris, Sains dan Matematik melalui pendekatan kemahiran berfikir," katanya.

Najib berkata, peruntukan tambahan itu turut merangkumi penubuhan Unit Pelaksanaan Pendidikan bagi memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan transformasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Selain itu, katanya sebanyak RM1 bilion akan disalur kepada Tabung Khas Pembinaan, Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah bagi menampung keperluan mendesak untuk membaik pulih bangunan sekolah, penyelenggaraan, pembelian peralatan dan pembinaan blok tambahan.

Najib berkata daripada jumlah itu, RM400 juta akan disalur kepada Sekolah Kebangsaan dan RM100 juta masing-masing kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Mubaligh, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, Sekolah Berasrama Penuh dan Maktab Rendah Sains Mara.

Dalam perkembangan berkaitan, Najib berkata pengusaha bas sekolah akan diberi rebat tunai RM10,000 dan subsidi kadar faedah dua peratus ke atas pinjaman penuh untuk menggantikan bas sekolah lama berusia melebihi 25 tahun kepada bas baru berkapasiti 12 hingga 18 tempat duduk.

"Skim pinjaman ini diuruskan oleh Bank Simpanan Nasional ditawarkan untuk tempoh permohonan dua tahun bermula 1 Jan 2013," katanya.

Seterusnya, Najib berkata Skim Perlindungan Insurans Kemalangan Diri, hilang upaya kekal dan kematian akan disediakan kepada semua murid sekolah yang menggunakan perkhidmatan bas sekolah berpermit.

Katanya usaha itu akan memanfaatkan dua juta pelajar dengan perlindungan maksimum RM100,000.

Kos premium sebanyak RM40 juta untuk tempoh dua tahun itu akan diselia oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=698297>